

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK  
[ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan menjelaskan polisi Kementerian dalam membantu golongan B40 memiliki rumah oleh syarikat-syarikat pemaju gergasi seperti Eco World.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, polisi/dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membantu golongan B40 memiliki rumah adalah melalui Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara. Kedua-dua dasar ini telah menggariskan panduan serta pelan tindakan dalam meningkatkan penyediaan dan pemilikan rumah mampu milik terutamanya bagi kumpulan sasar iaitu B40 dan M40 termasuklah penyediaan perumahan mampu milik melalui kerjasama dengan pemaju swasta.

2. Program-program perumahan mampu milik sedia ada di bawah Kementerian ini seperti Program Perumahan Penjawat Awam (PPAM), Perumahan PR1MA dan Perumahan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah memberi peluang kepada pemaju perumahan swasta untuk bekerjasama dengan Kerajaan bagi membangunkan perumahan mampu milik sama ada secara *joint venture* (JV), subsidi silang (*cross subsidi*) atau pertukaran tanah (*land swap*). Polisi ini merupakan dasar kerjasama awam-swasta (*public-private partnership*) yang melibatkan kerjasama pemaju swasta membina rumah dan dibiayai oleh peruntukan Kerajaan. Melalui kerjasama ini, rumah dapat dijual pada harga mampu milik iaitu lebih rendah daripada harga pasaran dan seterusnya meningkatkan peluang pemilikan kepada kumpulan B40 dan M40.

3. Kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan pihak pemaju untuk membantu rakyat terutamanya golongan B40 untuk memiliki rumah. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan ialah Kempen Pemilikan Rumah (Home Ownership Campaign – HOC) anjuran Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA) dan KPKT. Melalui program ini insentif Kerajaan diberikan melalui pengecualian duti setem dan insentif oleh pemaju perumahan diberikan melalui diskaun harga jualan sekurang-kurangnya 10%.

## NO SOALAN : 8

4. Kerajaan juga akan menyediakan skim *Rent-to-Own (RTO)* dengan kerjasama institusi kewangan terpilih untuk membantu rakyat memiliki rumah PR1MA.

5. Selain itu, pada tahun ini juga, Kementerian bercadang untuk melaksanakan pembangunan perumahan mampu milik secara tender terbuka (*Request for Proposal*) kepada semua pemaju hartanah yang berminat. Kos pembangunan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju tanpa melibatkan peruntukan Kerajaan dengan rumah dibina di atas tanah yang akan disediakan oleh Kerajaan. Melalui kaedah ini, mana-mana pemaju yang berminat boleh mengemukakan cadangan bagi membangunkan rumah mampu milik agar lebih *cost effective*. Dasar ini juga dilihat sebagai satu langkah Kerajaan untuk melibatkan pemaju-pemaju swasta gergasi yang stabil dari sudut kewangan untuk bersaing secara sihat serta menawarkan cadangan pembangunan rumah mampu milik yang terbaik kepada Kerajaan dan seterusnya meningkatkan penyediaan dan pemilikan rumah kepada kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.